

## **Covid-19: Tujuh pesakit di ICU, 25 kes baru – KKM**

**Malaysiakini**

**16 August 2020**

Terdapat 25 kes baru Covid-19 dilaporkan setakat jam 12 tengah hari tadi, maklum Ketua Pengarah Kesihatan Dr Noor Hisham Abdullah.

"Sehingga kini, terdapat tujuh kes positif Covid-19 yang sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU), di mana dua kes memerlukan bantuan pernafasan," katanya.

Bagaimanapun tiada kematian dilaporkan, dengan jumlah kes aktif sebanyak 216 pada hari ini.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata sembilan daripada kes yang dilaporkan hari ini melibatkan penularan dalam negara, manakala 16 lagi adalah kes import.

Ini menjadikan jumlah kes positif sebanyak 9,200 kes serta jumlah kes aktif dengan kebolehhangkitan sebanyak 216 kes.

Pengarah KKM juga memaklumkan mengenai sembilan kes penularan dalam

negara itu.

Jelasnya, ia melibatkan tujuh warganegara iaitu satu kes saringan pra pembedahan di Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu, Sabah serta enam kes baharu bagi Kluster Tawar di Baling, Kedah, iaitu lima kes di Kedah dan satu di Pulau Pinang.

"Dua lagi adalah kes jangkitan dalam negara yang dikesan di kalangan bukan warganegara di Kuala Lumpur, kedua-dua kes merupakan saringan rawak di tempat kerja oleh pejabat kesihatan daerah dan ia melibatkan pekerja kedai makan.

"Telah tular di media sosial notis penutupan kedai makan tersebut dan menimbulkan sedikit keresahan di kalangan pelanggan... pihak pejabat kesihatan daerah akan menjalankan pengesanan kes secara aktif dan siasatan lanjut dan persampelan akan diambil.

"Kedai makan tersebut telah ditutup buat sementara waktu bagi tujuan pembersihan dan nyah kuman," kata beliau pada suatu kenyataan hari ini.

Dr Noor Hisham berkata 16 kes import pula adalah dari Thailand (satu kes di Kuala Lumpur), Hong Kong (satu kes di Kuala Lumpur), Indonesia (dua kes di

Kuala Lumpur), India (dua kes di Selangor dan satu di Kuala Lumpur), Arab Saudi (tiga kes di Kuala Lumpur), Pakistan (dua kes di Kuala Lumpur), Yaman (satu kes di Kuala Lumpur), Lubnan (satu kes di Selangor), United Kingdom (satu kes di Selangor) dan Jepun (satu kes di Selangor).

Katanya terdapat 28 kes yang telah pulih daripada Covid-19 pada hari ini, yang membawa kepada jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya adalah sebanyak 8,859 kes (96.3 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

Tiada pertambahan kes kematian berkaitan Covid-19 dilaporkan hari ini, justeru, jumlah kumulatif kes kematian Covid-19 di Malaysia adalah kekal sebanyak 125 kes (1.36 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

Dr Noor Hisham juga mengulas mengenai Kluster Tawar, beliau berkata dengan penambahan kes baru itu, ia menjadikan mereka yang dikesan positif Covid-19 bagi kluster itu ialah sebanyak 39 kes.

"Sehingga 12 tengah hari, hari ini seramai 899 individu telah disaring dalam kluster ini. Seramai 727 individu disaring di Kedah, 35 kes dikesan positif Covid-19, 643 individu negatif, dan 49 individu masih menunggu keputusan.

"Seramai 164 orang disaring di Pulau Pinang dan daripada jumlah itu, seramai

empat individu dikesan positif COVID-19, 155 individu negatif dan lima individu masih menunggu keputusan, manakala lapan orang disaring di Perak, lima negatif dan tiga lagi masih menunggu keputusan," katanya.

Katanya pengesanan kes secara aktif dan saringan kontak rapat masih diteruskan bagi kluster ini.

**Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd**

Source: <https://www.malysiakini.com/news/538860>